

'Unikl pencabar utama TNB'



FOTO: BERNAMA

SKUAD hoki Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan berwaspada dengan skuad hoki Universiti Kuala Lumpur (Unikl) yang dianggap terkuat di atas kertas dalam kempen Liga Hoki Malaysia 2019 (TNB-MHL 2019).
Ketua jurulatih TNB, Nur Saiful Zaini Nasiruddin berkata pencabar dalam kempen liga hoki musim ini merupakan pasukan yang menggunakan khidmat pemain import.
"Kita tahu Unikl antara yang terbaik kerana mempunyai penjaga gol dari Ireland, David Har-te dan tiga pemain dari Belanda yang menguatkan skuad mereka musim ini," katanya selepas majlis penyerahan tajuan TNB kepada Persekutuan Hoki Malaysia (MHC) dan sesi memperkenalkan

kan pasukan hoki TNB serta TNB Thunderbolts bersama TNB-MHL Liga Hoki Malaysia 2019.
Nur Saiful Zaini berkata pasukan TNB menasarkankan kedua-dua teras dalam saingan Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL 2019) kali ini.
Dalam saingan TNB-MHL 2018, TNB menamatkan saingan di tempat ketiga, di belakang Terengganu Hockey Team dan Unikl.
Pasukan TNB akan terus tampil sebagai pasukan yang menggunakan semua pemain tempatan dengan dibarisi sepuluh pemain negara antaranya penjaga gol S.Kumar dan penyerang berbisa, Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jallil. - Bernama